

PBMUKS 54 | risalah

IMPIAN





***Ikuti lelamen media
sosial PBMUKS!***

Laman Web

pbmuks.wixsite.com/pbmuks

Instagram

@pbmuks

TikTok

@nus.pbmuks

LinkedIn

PBMUKS



Kata-kata pembuka

Salam sejahtera!


Mendekati penghabisan PBMUKS 22/23 dan AJK ke-54, datangnya Risalah untuk mengimbas kembali acara-acara kami dan menampilkan karya-karya tulisan kami.

Pada tahun ini, Risalah bertemakan 'Impian'. Impian mempunyai pelbagai makna dan maksud, yang kami serahkan pada para pembaca untuk memilih. Bagi kami, ianya bermaksud, impian kami sebagai PBMUKS, untuk menyumbang kembali kepada masyarakat Melayu di NUS.

Istimewa pada edisi kali ini, ialah format 'Zine' yang sekarang ini 'trendy' dalam kalangan belia.

Kami berharap hasil air tangan dan kerja keras kami terserlah dalam Risalah 2022/2023 ini. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat dan kepada mereka yang karyanya termasuk dalam edisi ini.

Sekian, selamat membaca!



Siti Farhana Bte Hamidi
Penyelaras Projek Risalah
Naib Presiden Perhubungan Awam PBMUKS 54

Isi Kandungan

15

Acara Gensec PBMUKS

16	Welcome Tea
18	Skuad Serbu Sekolah
20	eMpower
22	mOSAic
24	Jom ke NUS
26	Liga Raga
28	UniSZA
30	Erti Varsiti
32	FOC: Enigma

70

Tentang AJK 54

6

Acara Teras PBMUKS

ME{R}DU, Paradigma,
Bisikan Pena, Pentas Budaya

35

Karya MOOKS

36	Lagu-lagu ME{R}DU
38	Karya UniSZA
42	Puisi Pemenang Bisikan Pena <i>Cerpen Pemenang Bisikan Pena</i>
50	Di Sebalik Awam Kelabu
56	Mencari Erti Kehidupan
64	Genggaman Nafsu

Jawatankuasa Risalah

Penyelaras Projek: Farhana Hamidi

Pereka Bentuk: Ameera Azman, Amira Azad


Ahli Pengiklanan: Ameera Azman, Amira Azad

Ayuni Yaman

Ahli Pemasaran & Admin: Farah, Siti Maryana

Penulis: Muhammad Danial, Muhammad Hasif, Nur Sabrina

Penyunting: Norazirah



BAB 1
Acara Teras PBMUKS
6-14





Tentang ME{R}DU

MUZIK adalah sebuah wadah yang berkuasa, kerana ia dapat menyentuh hati dan jiwa, kepada sesiapa yang mendengarnya. ME{R}DU bermatlamat untuk memberikan sebuah platform untuk ahli muzik muda menampilkan bakat mereka.

Dengan bengkel-bengkel yang diadakan, seperti bengkel penulisan lirik dan karangan lagu, peserta-peserta dapat mencungkil kebolehan dan bakat nyanyian mereka. Bengkel-bengkel ini juga telah diajari oleh golongan profesional seperti Encik Mayuni Omar, Encik Ahmadul Amin dan juga Puan Sio Lubis yang terkenal oleh khayalak belia. Pelbagai ilmu dan nasihat telah dikongsikan oleh mereka kepada peserta-peserta.



**Ayuh lihat hasil
usaha mereka!**



merdu



Untuk menutup tirai secara gemilang, malam finale ME{R}DU yang dikenali ramai diadakan tahun ini di Annexe Studio, Esplanade. Selain persembahan yang menakjubkan oleh para peserta, penonton juga dapat menikmati muzik secara langsung oleh The Pinholes. Suasana malam konsert sungguh meriah dan menyeronokkan.



Ia telah mengambil banyak tenaga dan usaha untuk melengkapinya ME{R}DU tahun ini dengan lancar. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Mayuni Omar, Encik Ahmadul Amin dan Puan Sio Lubis yang telah mengongsikan pengetahuan mereka.



**Diketuai oleh:
Uswatun Hasanah
Aisyah Jalil**

PARADIGMA

Tentang PARADIGMA

#PARADIGMA merupakan sebuah projek pendekatan masyarakat, yang berinspirasi untuk memberi inspirasi dan sokongan kepada belia berisiko, untuk mencapai potensi mereka dengan sepenuhnya, dengan bantuan masyarakat dan bekas banduan.

Di samping itu, mereka berusaha untuk membawa anjakan *#PARADIGMA* yang mampan ke arah sebuah masyarakat inklusif untuk integrasi semula bagi para belia berisiko, serta mencabar stereotaip dan stigma masa kini terhadap belia berisiko dan bekas pesalah.

Sekali lagi untuk tahun 2022-2023, *#PARADIGMA* berkolaborasi dengan pihak CRC (Community Rehabilitation Centre), untuk berinteraksi dan mendekati para belia berisiko di pusat mereka.





Diketahui oleh Khairun Asyraf dan Farhana Ishak, acara teras ini mempunyai fasa yang berbeza. Dengan pelbagai aktiviti seperti berperahu naga, bengkel 'Repair Kopitiam' dan juga pembersihan masjid secara bergotong-royong. Semua telah dirancang dengan harapan untuk memperkenalkan kemahiran dan pengalaman yang berbeza untuk para belia berisiko.

Diketahui oleh:
Khairun Asyraf
Farhana Ishak

**Ayuh lihat hasil
usaha mereka!**





Tentang Bisikan Pena

SASTERA Melayu bersandarkan isu-isu dalam masyarakat – begitulah asas Bisikan Pena. Dalam mendalami tema 'Pencarian Jati' pada tahun ketiganya, acara teras ini terus menggalakkan penggunaan bahasa ibunda kita dalam kalangan para pelajar di bangku sekolah menengah dan pasca-menengah, untuk merencanakan perbincangan melalui cara yang kreatif.



Ayuh lihat hasil usaha mereka!





bisikan pena



Bengkel-bengkel telah dianjurkan bagi mempersiapkan para peserta dengan mengasah kemahiran penulisan dan penyampaian sebelum berkarya bagi Peraduan Bisikan Pena. Bengkel Cerpen (13-16 tahun) tahun ini dikendalikan oleh Dr Sa'eda Buang. Bengkel Puisi (Kategori A: 13-15 tahun) pula dijalankan Encik Shahril Samri dan Bengkel Puisi (Kategori B: 16-19 tahun) disediakan Cikgu Asnida Daud.

Segala usaha para peserta berkuntum dalam persembahan-persembahan puisi mereka di Acara Sayembara yang turut diserikan lagi oleh kehadiran AP GRC Sembawang Puan Mariam Jaafar. Setinggi penghargaan juga disampaikan kepada para penilai dan juri yang sudi hadir berkongsi pendapat dan ilmu – Puan Nur Khairiah (Cerpen), Encik Farihan Bahron (Puisi), dan Cikgu Annaliza Bakri (Puisi).

Diketuai oleh:
Nur Amirah
Muhammad Hasif

PENTAS BUDAYA

Tentang Pentas Budaya


TEATER sebagai wadah untuk mempamerkan pemikiran isu-isu semasa dalam masyarakat adalah teras Pentas Budaya. Pementasan tahun ini bertunjangkan isu penyakit Alzheimer's dan kesempitan yang dialami pesakit dan keluarga mereka. Kerja keras jawatankuasa Pentas Budaya telah membuahkan hasil setelah 'Luas' menerima sambutan hangat lagi beremosi pada kedua-dua hari pementasannya di Gateway Theatre.

Sebelum perancangan bermula, Pentas Budaya juga telah menganjurkan sebuah bengkel lakonan yang dikendalikan oleh Aidli Mosbit, untuk mencurahkan ilmu dan kemahiran luas beliau kepada para pelakon dan ahli jawatankuasa. Dengan itu, setiap peserta mendapat tahu sedikit sebanyak tentang bidang teater sambil mengasah kebolehan mereka dalam lakonan secara kreatif.



Ayuh lihat hasil usaha mereka!






Main Tulis Group pula berkolaborasi bersama untuk memperkukuh lagi idea dan penulisan kisah 'Luas'. Pengalaman dan kemahiran menulis skrip mereka sangat berharga dalam memastikan daya cerita kekal relevan dan isu yang ingin dibentangkan itu dikupas elok.

Usaha gigih dalam berbulan-bulan merancang dan berlatih sudah tentunya membina kejayaan Pentas Budaya.

Diketuai oleh:
Nur Khairiah
Nur Aqilah Nuha







BAB 2

Acara Gensec PBMUKS

15-33



Tentang Welcome Tea

SELAMAT DATANG ke Istana PBMUKS! Bagi acara pertama ahli jawatankuasa ke-54 ini, Welcome Tea bertujuan untuk memperkenalkan matlamat dan acara-acara PBMUKS kepada mahasiswa-mahasiswi tahun pertama. Tahun ini memperlihatkan kejayaan acara secara fizikal setelah undang-undang jarak selamat dilonggarkan.

Bertemakan 'Pendekar NUS', Welcome Tea menjemput para peserta untuk menerokai setiap 'kampung' PBMUKS – acara am dan acara teras yang dianjurkan secara tahunan serta kegiatan NUS Dikir Barat.



Para peserta juga menyahut cabaran teka-teki dan permainan setelah setiap acara dibentangkan untuk memenangi cenderamata. Di akhir acara, lima 'pendekar' pertama yang telah meneka tagline PBMUKS bagi tahun ini – “Belia bersemangat, masyarakat bersepakat” – berjaya membawa pulang hadiah khas daripada jawatankuasa.

Sebagaimana tagline bergema, azam PBMUKS untuk menanamkan semangat dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi NUS terus berkobar.

**Diketuai oleh:
Muhammad Danial**

come
ea



Dilukis oleh:
Ameera Azman



Skuad Serbu Sekolah.

Tentang Skuad Serbu Sekolah

UNTUK meningkatkan rasa cinta terhadap Bahasa Ibunda dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi NUS, PBMUKS telah bekerjasama bersama saluran radio tempatan, Ria 89.7FM, dalam acara Skuad Serbu Sekolah. Para mahasiswa NUS didedahkan kepada pelbagai topik seperti penyampaian berita, lontaran suara dan juga teknik-teknik penterjemahan dan penyampaian ucapan.



***Diketuai oleh:
Ayuni Yaman***



Bukan itu sahaja, para peserta dapat memperkasakan kefasihan Bahasa Melayu dan meningkatkan keyakinan diri. Acara ini juga memberi para peserta sebuah lensa kepada alam media di Singapura dan juga bertemu dan bersembang bersama DJ-DJ Ria 89.7FM. Dengan 'serbuan' ini, tercetuslah semangat dan sayang terhadap Bahasa Melayu.




eMpower

Tentang eMpower

PADA tahun ini, PBMUKS telah berganding bahu bersama NUSMS sekali lagi untuk acara eMpower. eMpower dilaksanakan untuk memperkasa mahasiswa-mahasiswi dengan kemahiran yang mampu membantu mereka menyahut segala cabaran yang diceburi.

Sepanjang tiga hari, penceramah dari pelbagai bidang kerjaya diundang untuk berkongsi tentang selok-belok industri mereka. Para pelajar dapat menerokai dengan lebih mendalam tentang industri tersebut dan ini diharapkan dapat membina rangkaian, terutama sekali bagi mereka yang bakal memasuki dunia pasca-universiti.





Bak pepatah sediakan payung sebelum hujan, eMpower telah berusaha untuk merangsang kecelikan kewangan di kalangan mahasiswa-mahasiswi NUS melalui ceramah-ceramah yang berkongsi tentang cara-cara untuk menguruskan dan menggandakan wang dengan lebih baik, serta memberi tumpuan kepada pelaburan dalam mata wang kripto. Melalui inisiatif ini, para peserta telah dapat membina asas kemahiran kewangan yang lebih kuat. Maklumlah, sikit-sikit lama-lama jadi bukit.

Diketahui oleh:
Nur Sabrina (PBMUKS)
Nur Qistina (NUSMS)

Tentang mOSAic

PBMUKS diundang ke acara mOSAic yang dianjurkan oleh NUS Office of Student Affairs dengan tujuan untuk mendedahkan para mahasiswa-mahasiswi NUS kepada budaya dan warisan Melayu. Dalam rangkaian acara ini, kami telah menyediakan sebuah gerai yang mengusung tiga aspek budaya Melayu iaitu busana Melayu, permainan tradisional Melayu dan makanan tradisional Melayu.



S

m

O

Para pengunjung dapat menjamu pelbagai jenis kuih seperti Kuih Bahulu dan Kuih Bangkit, dan juga mencuba permainan tradisional. Selain itu, mereka juga berpeluang untuk mencuba busana melayu seperti Baju Kurung dan Baju Melayu. Bukan itu sahaja, mereka boleh berdandan gaya dalam pakaian melayu dan bergambar dengan kamera polaroid yang disediakan.

Oleh kerana mahasiswa-mahasiswi NUS merangkumi pelbagai kebangsaan, mereka dapat menikmati keindahan budaya melayu, tanpa kira latar belakang bangsa dan budaya.

A

C



i

*Diketahui oleh:
Muhammad Danial*

Tentang Jom ke NUS

#JomKeNUS (#JKN) merupakan inisiatif perhubungan awam PBMUKS khas buat pelajar-pelajar yang berminat untuk melanjutkan pengajian prasiswazah di NUS, dengan harapan dapat membantu memudahkan proses mereka dalam membuat keputusan.

Untuk #JKN kali ini, kami menyalurkan sebuah video muzik yang menarik dengan tujuan untuk menggambarkan kehidupan seronok sebagai seorang Anak Melayu NUS. Dengan latar belakang lagu 'Sayang, Do You Love Me' oleh Hael Husaini yang merdu dan manis, para pelajar dapat melihat imbasan ringkas akan acara-acara teras dan aktiviti-aktiviti ko-kurikular yang boleh mereka nikmati.



Inisiatif ini telah berjaya meraih sambutan yang tinggi di laman sosial PBMUKS dan kami berharap ini dapat berterusan supaya dapat menarik lebih para pelajar Melayu di luar untuk menjadi sebahagian Anak Melayu NUS.



Tontonnya di sini!



Tentang Liga Raga

PBMUKS telah berusaha untuk menyatukan dan merapatkan tali persahabatan antara mahasiswa-mahasiswi Melayu NUS melalui sukan. Acara ini memberi tumpuan kepada dua hala, iaitu untuk menyambut akhir tahun akademik dan juga menggalakkan para mahasiswa-mahasiswi bergiat dan biasakan gaya hidup yang sihat. Para peserta merangkumi ahli jawatankuasa acara-acara teras PBMUKS, NUS Silat dan ahli jawatankuasa PBMUKS, yang bertanding dalam sebuah persaingan sihat melalui dua jenis sukan, iaitu Futsal dan Dodgeball.

Penasihat akademik PBMUKS, Profesor Madya Dr. Elmie Nekmat, juga turut serta dalam acara ini. Pemenang bagi kedua-dua sukan juga dapat berpeluang untuk berlawan pasukan PBMUKS yang merangkumi ahli jawatankuasa PBMUKS dan Dr Elmie. Setiap pasukan juga telah diberikan hadiah sebagai tanda penghargaan atas segala sumbangan mereka kepada PBMUKS.





LIGA RAGA



*Diketahui oleh:
Muhammad Danial*



Tentang UniSZA



BUAT julung-julung kalinya, PBMUKS berganding bahu bersama Kelab Citra Puisi Universiti Sultan Zainal Abidin (KeRiSZ) dari Terengganu, Malaysia, untuk mengadakan bengkel-bengkel puisi sepanjang dua hari.

Hari pertama mengundang Encik Shahril Samri, pengasas Pantunism, sebagai pengendali bengkel penulisan puisi tradisional dan moden. Setelah itu, teknik penulisan sajak pula sudi dikongsi oleh Saudari Umie Nurliela, Ketua bagi Kluster Pantun KeRiSZ, yang digunakan dalam aktiviti secara berkumpulan.



Hari kedua pula bermula dengan perkongsian ilmu dan pengalaman Saudara Muhammad Affan, Yang di-Pertua KeRiSZ, dalam menceburi bidang penulisan dan penyampaian syair. Sebelum kolaborasi berakhir, Saudara Muhammad Hasif sebagai wakil PBMUKS pula menyingkapkan pendedahan beliau dalam dunia penulisan tempatan sewaktu di bangku sekolah.

Ahli-ahli KeRiSZ pula menyampaikan puisi, pantun dan syair lengkap dengan pakaian Melayu berseri sebagai penutup tirai.



*Diketuai oleh:
Muhammad Hasif
Nur Amirah*



Tentang Erti Varsiti

PBMUKS teruskan dengan acara tahunan Erti Varsiti, dimana acara ini bertujuan untuk menyumbang kembali kepada masyarakat melayu Singapura. *PBMUKS* telah berganding bahu bersama persatuan kebudayaan Melayu peringkat universiti, *NTU-NIE Perbayu*, *SMU MLCC*, dan *SIT Wau! MCS*. Kolaborasi empat berhala ini juga dapat menyemaikan dan memperkuat tali persahabatan antara pihak-pihak yang terlibat.



erti varsiti

Ahli jawatankuasa Erti Varsiti telah bekerjasama dengan Masjid Al-Khair, untuk menjalankan acara Emp4ti, di mana para sukarelawan dari keempat-empat sekolah ini bergotong-royong untuk bungkuskan hamper Raya lalu mengagihkan hamper-hamper tersebut kepada 50 keluarga yang berpendapatan rendah di kawasan itu. Kami harap hamper-hamper tersebut dapat meringankan beban kewangan mereka dan juga meriakan suasana untuk sambutan Hari Raya yang menjelang tiba.





***Diketuai oleh:
Muhammad Danial (NUS), Ridhwan Bin Zahid (NTU),
Farah Allisha (SMU), Noor Armand (SIT)***

enigma

Tentang FOC: Enigma

UNTUK menyambut pelajar-pelajar Melayu/Muslim baharu ke NUS, PBMUKS dan NUSMS berkolaborasi sekali lagi untuk Kem Orientasi 2023!

Ahli jawatankuasa kem ini telah bekerja keras selama 7 bulan, supaya pelajar-pelajar baharu dapat pengalaman yang seronok dan lancar sambil memasuki fasa baru untuk pelajaran mereka.

Selama 3 hari, pelajar-pelajar mempunyai masa yang memuaskan untuk berintegrasi dengan kehidupan di universiti. Mereka telah mendapat peluang untuk berinteraksi dengan pelajar-pelajar Melayu/Muslim yang lain dan membiasakan diri mereka dengan kampus NUS.






Lebih menarik lagi, tahun ini merupakan tahun yang pertama selepas sekatan Covid-19 dilonggarkan, di mana kem orientasi diadakan dengan penginapan bermalam! Ianya sungguh mengharukan, melihat mereka mencipta kenangan baharu dan menjalinkan ikatan yang berharga antara satu sama lain. Kami harap kem ini telah menjadi sebuah permulaan kepada pengalaman universiti mereka yang bermakna dan seronok. Semoga mereka maju jaya dalam segala lapangan yang diceburi!







BAB 3
Karya MOOKS

35-69



Perangkat media baru 4.0



Track

01

LDR

Wirda Hanees, Feny



Track

02

Bulan Dan Bintang
Harmoni



TERTERA di bawah adalah empat buah lagu, hasil karya dari peserta-peserta *ME{R}DU* pada tahun ini.

Selepas proses yang panjang dan menggunakan apa yang mereka pelajari dari bengkel-bengkel karangan lagu yang diadakan, terbitlah ciptaan mereka yang telah mereka mempersembahkan pada konsert finale *ME{R}DU*.



Dengarnya di
sini!



Track

03

Insan Biasa

Fajar



Track
04

Permainan Cinta

We Won The Case!



*zaman berganti zaman
kenapa aku masih merana?
dimana hak aku?
mana keadilan untukku?
mana janjimu?*

*j
a
n
j*

*celik mataku kelam rasanya
wang ditangan persis tiada guna
tiap yang dihulur perit rasanya
yang disambut terima?
kenapa tidak pula merasa?
dimana hak aku?
mana keadilan untukku?
mana janjimu?*

i

*hampanan kian meruncing nilainya
habuan tugas tidak melihatkan
harganya
mental, fizikal, emosi teraniaya
dimana hak aku?
mana keadilan untukku?
mana janjimu?*

*hei, durjana!
mana janjimu yang sudah ditabur
janji manis, melembut jiwa
tapi, tika ditagih
kau layanku seperti
penagih..
pengemis..
mana janjimu!*



Puisi ditulis oleh:

*Khairun Asyraf (NUS), Naufal Muhammad (NUS),
Hakimah Haikal (KeRiSZ), Izuddin Ezani (KeRiSZ)*

Karya UniSZA



ke mer de ka an

*bangkitlah, oh tanah airku yang tercinta
berkibarlah bendera negara dengan megahnya
menjunjung tinggi kecintaan pada bangsa*

*dari malaysia ke singapura, serumpun kita bersatu
bermacam bangsa dan adat istiadat yang berbeza
bersama kita berkongsi kasih sayang dan keikhlasan
dalam perpaduan kita temui kekuatan*

*warga singapura, berpegang tangan erat
membangun negara yang maju dan sejahtera
dengan ilmu pengetahuan, kecekapan dan semangat
kita mampu merealisasikan impian dan mengharungi dunia*

*malaysia, tanah airku yang tercinta
engkau menggelora di dalam dada kami
dengan cinta yang tiada tara, kami berjanji
akan sentiasa menjadi warganegara yang berjiwa patriotik*

Puisi ditulis oleh:

*Zikry Sabarudin (NUS), Muhammad Hasif (NUS),
Faiz Kasman (KeRiSZ), Syafika Abdul (KeRiSZ)*

Karya UniSZA



kejora

*dilangit malam
bergugusan jutaan permata
indah belantik bersinar cerlang
nifak, nilam, mintaka
tidak terpisah tiga saudara
itulah dia kejora*

Puisi ditulis oleh:

*Qistina (NUS), Hakimah Haikal
(KeRiSZ), Umie Nurlaela (KeRiSZ)*

Karya UniSZA

*sejambak melur disambut senang,
cantik mengembang tidak terkata,
tumbuhan menumbuh pembangunan mengembang,
penyejuk jiwa hidangan mata*

*berkelana jauh mencari samura,
demi puspita agar senang,
persahabatan erat penuh mesra,
budaya kita tetap dikenang*



Pantun ditulis oleh:
*Hasif Salehin (NUS), An-nur Anis (KeRiSZ),
Syazwani Harif (KeRiSZ)*

Karya UniSZA

masih adakah yang berdegup dalam naluri...
yang menjunjung nilai dan hati budi?
masih adakah insan berdegup nadi...
yang menggendong sejuta impian yang diwarisi
bahu ke bahu
tangan ke tangan
nenda ke nenda
adakah mampu aku ketemu?

pohon meranti di balik pagar,
daun putat gugur di tepi;
kian membuli ucapan kasar,
asal meningkat populariti.

betul jadi salah
salah jadi betul
asyik dok mengalah
sama-sama biol
siapa gerangan ingin kubertanya?
perluakah kujunjung tradisi lama?

ayam berkokok di atas reban,
itik sedondon di sawah padi;
gaya bertiktok menari sakan,
uncle raymon dekat di hati.

nilai disusun hasilkan impak
turun-temurun di atas pundak
usahlah gerun untuk bertindak
budi dan santun bicara bijak

bijak meniti mengatur langkah
budaya murni tampaknya indah
adat dan impi usah terpisah
kelak menjadi menghapus gundah

jelaslah kini
jelas terpateri
perjalananku bakal seimbang
kemodenan erat dipegang
adat usah dibuang
kelak sempurna identiti seseorang

samalah-sama kita menjaga
di balik kata tersulam makna
adat budaya kekalkan jua
nilai mulia semat di dada


Puisi ditulis oleh:

Fareesha Adria, Mok Zong Sheng, Nur Iqmal Yaqin, Qairyn Qashrina
Sekolah Menengah Changkat Changi
Juara bagi Peraduan Puisi Bisikan Pena Kategori A 2023



♥ 2K 👤 10K

💬 87 ♥ 700 👤 10k



100k views

View all 1205 comments
1 DAYS AGO



“eh, you malay is it?”
tanya suara sumbang itu
ke arahku jarinya membidik
cabul mulutnya tiada berlapis
ingin sahaja aku mengherdik

padamu,
melayuku kelam masa depan
melayuku mundur, takut kehadiran
melayuku bergelumbang kebobrokan
melayuku puas dengan kealpaan
melayuku dipandang penuh nista
melayuku layak dicaci semata
melayuku malas, rilek one corner

ingin sekali aku melarikan diri
daripada tohmahan yang bukan hakiki
nenek moyangku mengharungi segala pedih peri
bukan untuk aku menidakkan asal usul jati

padaku,
melayu itu BANGSAKU
bangsaku beradat juga BERDAULAT
daulat menjunjung maruah JAGAT
jagat mengagumi tahap KEMAJUAN
kemajuan pesat penuh KEAMPUHAN
keampuhan kukuh tiada TANDINGAN
tandingan apapun ayuh silakan
melayuku... bangsaku... SIAP KU PERTAHAN!

aku anak melayu
pantang ku mengalah sebelum beradu
biarpun stereotaip dihambur terus melulu
akan ku benteng dengan semangat jitu

“eh, you malay is it?”
well... WHAT DO YOU THINK?

AKU ANAK MELAYU

Puisi ditulis oleh:
Rifqah Binte Mohamed Rafee,
Nursaffiyah Binte Abdul Rahman,
Muhammad Arsyah Fahrezi

Maktab Rendah Kebangsaan
Juara bagi Peraduan Puisi Bisikan
Pena Kategori B 2023



kepompong

cermin sakti cermin pusaka
si Bidasari milik empunya
bagai neraca masih berguna
buat teladan di hari muka

tatkala aku diam, katanya hidupku ibarat katak di bawah tempurung
tidak kenal dunia luar, yang menjanjikan harapan setinggi gunung
hidup dalam belunggu antara rugi dan untung
tidak berani bersuara keluar daripada kepompong

engkau tak pernah percayakan aku
engkau tak pedulikan nasihatku
bagaimana caranya untuk aku membantumu?

untung sabut timbul, untung batu tenggelam
ikhtiar menjalani, kerugian menyudahi
bagaimana lagi harus aku cari
kalau destinasi yang ingin aku tuju
masih jauh daripada realiti

hendak pergi mana dan hendak cari apa?
sehingga kepompong reput semuanya?
tatkala ia berlaku, adakah kita sudah bersedia?

cermin ini imbasan diri
jati diri imbasan hati

tidak tercapai jejariku ini untuk menjadi ahli neurologi
menjadi individu berkepakaran tinggi demi menjamin kehidupan yang berkualiti
aku pula ingin mengetuai jemaah menteri
agar dapat aku berbakti kepada rakyat dan ibu pertiwi

aku pula ingin menjadi penggiat seni
memperjuangkan khazanah bangsa memupuk identiti

jati diri dan muhasabah dirilah yang dicari
tetapi tatkala kepompong pecah dan kita pun dewasalah sudah
mampukah jasmani mengikut arah?

jejari bengkok disengat lebah,
bisa terasa ke sanubari;
biar selalu bermuhasabah,
tanamkan azam perbaik diri.

orang melayu masyarakat madani
usah terhakis jati diri yang murni
biarpun badai cabaran menghampiri
menyerah kalah bukan pegangan diri



Puisi ditulis oleh:

Iman Andrea, Khalisha Humaira, Muhammad Muaz, Tyara Binte Rostam
Sekolah Menengah Tanjong Katong
Naib Juara bagi Peraduan Puisi Bisikan Pena Kategori A 2023

Anak jati melayu

*ini permainan kegemaranku
apakah telah terjadi dengan diriku ini
depan orang aku tipu diriku
adakah ini jatiku sebenar, raili*

*anak melayu, bersopan santun
tidakkah kamu berasa malu
kamu harus sedar dan bangun
apa baiknya pun budaya melayu?*

*hitam manis miskin, dahi berpeluh licin
banding hebatnya si Barat,
cukupkah anak melayu seperti ku
yang tentu, tidak larat*

*pabila dewasaku nanti,
jangan, janganlah diketahui asalku ini
jelajah, ke bumi asing suci,
langsirkanlah budaya yang sangatku benci*

*budaya melayu semakin terlupa,
apa telah jadi dengan manusia,
orang dahulu berkorban nyawa
untuk kekalkan bangsa tercinta.*

*pedihnya hati, kehilangan jati
sedarkah kamu sedang khianati
nenek moyangmu, yang diserang musuh
musuh yang kini engkau jadikan contoh
susah ku bina, senang kau roboh
mengikut kaum yang menyebabkan ku dibunuh*



*ingatlah ingat kisah lagenda
walaupun lucu tapi berguna
terbanglah tinggi kejarkan cita
janganlah lupa budaya bangsa
ikutlah resmi ayam betina
supaya dapat elak bencana*

*pulangku kini untuk berbakti,
anak jati melayu akan ku jadi
wahai anak-anak muda,
kukuhkan lah ukhuwah
agar peluang dapat diraih
pimpin tangan remaja bangsa
agar tidak tenggelam lah bangsa dan budaya*

alangkah indah jatinya yang sebenar!

Puisi ditulis oleh:

*Aisha Nurzakiah, Arina Hadirah, Khadijah Binte Muhammad
Sayeed, Sofiyah Binte Mohd Amirullah*

*Madrasah Alsagoff Al-Arabiah (Srikandi Alsagoff)
Naib Juara bagi Peraduan Puisi Bisikan Pena Kategori B 2023*

A stylized illustration of a landscape. The background is a dark, muted blue-grey. In the upper half, there are large, angular, light beige shapes representing mountains or hills. A thin, light-colored line, possibly a path or a beam of light, curves across the sky from the top right towards the left. In the lower half, there are dark, angular shapes representing a field or a valley. A simple wooden fence runs across the bottom right corner. The text "Di Sebalik Awam Kelabu" is written in a white, handwritten-style font in the center of the image.

Di Sebalik
Awam Kelabu

Di Sebalik Awam Kelabu

*Cerpen ditulis oleh: Muhammad Zihny Zaini
Sekolah Gan Eng Seng
Juara bagi Peraduan Cerpen Bisikan Pena 2023*

Sekali lagi, aku menatap wajah itu dalam cermin. Naluriku memberitahu bahawa aku mengenalinya tapi aku masih keliru. Siapakah wajah yang berhadapanku itu?

Wajah dalam cermin itu merupakan seseorang yang amat cengkung. Kepalanya botak dan licin dengan ketiadaan rambut. Renungan matanya yang tajam itu seakan-akan sedang menjerit. Jeritan yang sangat pedih meminta tolong.

Oh Tuhan! Mengapakah Kau menghukumku sebegini? Bilakah keseksaan ini akan berakhir? Mungkin aku akan berasa tenang jika aku dapat meninggalkan dunia ini. Aku tidak sanggup menahan penderitaan ini lagi.

Tahun 2020 merupakan titik permulaan segala keperitanku. Aku mula batuk berdarah dan mengalami sakit kepala yang tidak terhingga. Aku juga hilang selera makanku. Pada mulanya, ibu bapaku mengesyaki keracunan makanan. Mereka segera membawaku berjumpa dengan doktor. Dengan keadaanku yang pucat lesi seperti mayat, doktor terpaksa melakukan banyak ujian ke atas diriku. Persoalan demi persoalan bersilih ganti dan berlegar-legar di ruang benakku.



Selepas beberapa jam, kami sekeluarga dikejutkan dengan berita di luar dugaan. Dengan berat hatinya, doktor memaklumkan kepada kami keputusan ujian yang telah dilakukan. Aku telah disahkan menghidapi barah paru-paru tahap dua. Hatiku tenggelam menerima berita buruk itu. Ibu bapaku tercengang. Ibuku hendak menyatakan sesuatu tetapi tiada suara yang dapat dikeluarkan.

Beberapa hari berlalu. Aku masih belum dapat menerima hakikat itu. Aku baring di atas katil, tiada daya untuk melakukan apa-apa. Ibu bapaku semakin risau kerana perंगाiku telah betul-betul berubah. Aku tidak mempunyai selera untuk makan dan aku banyak menghabiskan masaku di dalam bilik.

Ibu bapaku telah membuat perancangan untuk rawatanku. Sebentar lagi, aku akan menghadiri sesi kemoterapi di sebuah hospital. Aku difahamkan bahawa kemoterapi ialah penggunaan ubat untuk memusnahkan sel barah. Rawatan ini berfungsi dengan mengekalkan sel barah daripada membesar, membahagi dan membuat lebih banyak sel. Aku tidak mahu meneruskan hidupku sebegini kerana aku tahu bahawa barah ini tidak

akan hilang dari badanku. Aku sedar bahawa walau apa jua rawatan yang aku terima, satu hari nanti, aku akan pergi buat selama-lamanya. Aku tidak mahu dibebankan dengan memakan ubat seumur hidupku. Semangatku untuk hidup semakin pudar. Aku berserah kepada yang Maha Esa.

“Ibu, Amir tidak mahu menjalani sesi kemoterapi lagi. Apa gunanya? Amir tetap akan mati! Amir tidak mahu makan ubat seumur hidup Amir,” aku meluahkan perasaanku kepada ibuku yang cuba memujukku.

Ibu membelai pipiku. Dengan tenang, dia berkata, “Amir tahu bahawa ini ialah cara terbaik untuk Amir agar cepat sembuh bukan? Kenapa Amir mahu berputus asa begitu sahaja? Di dalam Al-Quran, ayat Al-Imran 3:139, Allah pernah bersabda, janganlah kamu merasa lemah dan janganlah kamu berdukacita, padahal kamulah orang-orang yang tertinggi jika kamu orang yang beriman. Amir harus kuatkan semangat!”



“Sampai bila Amir akan terseksa sebegini, Ibu?” Aku memberontak sambil menggenggam kedua-dua belah tanganku.

“Ibu maklum bahawa Amir tidak mahu menjalani sesi kemoterapi lagi. Namun, Ibu dan Ayah akan sentiasa berada di sisi Amir. Kita akan berusaha dan terus berusaha.” Aku melihat ibuku cuba menyembunyikan air matanya.

Beberapa minggu sudah berlalu. Aku masih memaksa diriku untuk menjalani sesi kemoterapi. Rambutku mula gugur, membuatku berasa lebih malu untuk keluar dari rumahku. Aku takut orang akan merenungku atau mentertawakanku. Aku terpaksa pergi ke sekolah selepas mendengar pujukan dan rayuan ibuku.

Setiap kali aku sampai di sekolah, kawan-kawanku akan mentertawakanku dan mengejekku dengan panggilan yang menghina seperti “Toyol”. Mereka juga sudah mula untuk tidak bercakap denganku lagi. Mereka sering berkata bahawa aku harus duduk di hospital sahaja dan tidak perlu datang ke sekolah. Perbuatan mereka membuatku berasa semakin tertekan, menyebabkan aku semakin mengurungkan diri di dalam bilik dan tidak makan. Hatiku hancur bagaikan kaca yang dihempas kuat ke batu. Setiap kali aku pulang ke rumah,

aku membenamkan kepalaku di atas bantal dan menangis tanpa henti. Mengapakah kawan-kawanku tergamak menyeksaku? Apakah dosaku?

Suatu hari, ibuku mendapat panggilan telefon daripada pihak hospital. Pemanggil itu memberitahu ibuku bahawa ada seorang pakar rawatan barah dari luar negara yang sanggup merawatku dengan perubatan yang canggih. Namun syaratnya, aku harus ke luar negara untuk mendapatkan rawatan tersebut. Melalui berita itu, aku membuat kesimpulan bahawa peluang untuk aku sembuh sepenuhnya amat cerah.

Beberapa hari telah berlalu. Aku bertekad untuk tidak pergi ke sekolah lagi. Aku tidak menghiraukan pujukan dan rayuan ibu bapaku. Akhirnya, mereka membuat keputusan yang sukar. Mereka bercadang untuk menjual rumah dan membawaku ke luar negara untuk menerima rawatan. Ini ialah percubaan yang terakhir untuk memastikan bahawa aku dapat sembuh sepenuhnya. Mereka tidak sanggup untuk melihat hidupku terseksa. Aku sedar ini ialah suatu pengorbanan yang besar oleh ibu bapaku. Dengan keizinan Tuhan, sekiranya aku sembuh, aku berjanji aku akan membalas jasa ibu bapaku dan tidak menghampakan mereka.

Lapan tahun telah berlalu. Aku masih berada di Amerika Syarikat. Setelah dua tahun menerima rawatan yang rapi, tubuhku bertindak balas dengan positifnya. Aku berasa semakin cergas. Seleraku untuk makan bertambah baik. Tiada lagi tanda-tanda penyakit barah yang dirasai. Menurut doktor pakar yang merawatku, sel-sel barah di dalam badanku sudah musnah sepenuhnya. Namun, aku dinasihatkan supaya meneruskan dengan terapi yang dirancang.

Tiga tahun setelah aku disahkan pulih daripada barah, ibu bapaku telah mendaftarkan diriku ke institut pengajian yang berdekatan dengan hospital di mana aku mendapatkan rawatanku. Aku mempelajari jurusan perubatan. Alhamdulillah, dengan suntikan semangat yang tinggi dan usaha yang gigih, aku berjaya menamatkan pengajianku dengan kelulusan yang cemerlang. Aku meneruskan pengajianku dalam jurusan perubatan barah. Aku berniat untuk berkhidmat kepada mereka yang memerlukan bantuanku. Ibu bapaku berasa amat bersyukur dengan tahap pencapaianku. Tidakkau sangka, aku berjaya memecahkan kebuntuan dan kegagalan hidupku. Aku merenung jauh mengenangkan nasibku beberapa tahun yang lalu sambil menggelengkan kepalaku.

“Aku tidak akan mensia-siakan peluang kedua yang Kau berikan.”

Setelah lama berada di negara asing, tiba masanya untuk aku dan ibu bapaku pulang ke tanahair yang tercinta. Aku telah menerima tawaran pekerjaan sebagai seorang pakar rawatan barah di sebuah hospital yang ternama. Hari bertukar menjadi tahun. Aku mendapat jawatan yang tinggi di tempat kerjaku.

Aku sedang membuat pusingan kerja pada pagi itu seperti hari-hari biasa. Dengan tidak sengaja, bahu ku terlanggar seorang lelaki yang sebaya denganku. Kami memohon maaf daripada satu sama lain. Namun, apabila mataku bertentangan dengannya, wajahnya berubah.

Dia menegur, “Ini Amir? Amir yang menghidapi penyakit barah dulu? Budak yang selalu dibuli di sekolah? Budak yang terus menghilang tanpa khabar? Dengar-dengar, awak sudah meninggal.”

Mulutnya terganggu apabila aku menjawab soalnya dengan senyuman, “Ya. Benar. Ini Amir. Amir yang telah hidup semula daripada mati. Amir yang awak maksudkan memang sudah mati. Alhamdulillah, ini Amir yang baharu. Awak Fuad kan? Budak yang tidak habis-habis mencela aku?”

Tidak mengapa, itu perkara yang lepas. Sudah menjadi sejarah. Aku sudah lama memaafkan orang-orang yang menyakitkan hati aku. Aku tidak berdendam.”

Amir menundukkan kepalanya. Kemudian, dia merenungku dengan teliti. Sebelum dia dapat membuka mulutnya, aku menyambung, “Ya, Fuad. Aku ialah pengurus pakar perubatan di hospital ini. Siapa sangka aku akan berada di sini. Kenapa awak berada di sini?”

Dengan berat hatinya, dia bersuara, “Ayahku sedang menerima rawatan di sini. Dia ada barah paru-paru.”

Aku menepuk bahunya, “Aku faham. Aku faham, Fuad. Aku telah merasainya pada suatu masa dahulu. Inshaallah, kita akan cuba sedaya upaya untuk merawatnya. Jangan berputus asa.”

Aku meneruskan pekerjaanku setelah aku memberitahu Fuad bahawa kita akan berbual lagi jika ada kesempatan. Di dalam hatiku, aku berasa dunia ni memang terlalu kecil sehingga aku dapat bertemu semula dengan orang yang pernah menyeksaku pada suatu ketika dahulu. Namun, berkat doa ibu bapaku dan semangatku untuk tidak berputus asa, aku dapat mengatasi segala kerumitan dan liku hidupku. Aku berjalan sambil tersenyum melepasi bilik-bilik pesakit.






Mencari
Erti Kehidupan

Mencari Erti Kehidupan

*Cerpen ditulis oleh: Nusaibah Binte Naeim
Sekolah Menengah Perempuan Cedar
Naib Juara bagi Peraduan Cerpen Bisikan Pena 2023*

Sekali lagi, aku menatap wajah itu di dalam cermin. Naluriku memberitahu bahawa aku mengenalinya tetapi aku masih keliru. Siapakah wajah yang berhadapanku itu? Rambutku berjuntai berserabut menutupi mukaku. Aku masih ingat lagi remaja yang riang dan yakin dengan dirinya sebelum semua ini berlaku. Sekiranya aku dapat putar balik masa, aku pasti tidak akan melakukan perkara yang bodoh itu. Namun, semuanya sudah terlambat sekarang. Nasi sudah menjadi bubur. Aku menggelap air mataku yang berkolam di mata.

Pagi tadi, aku baru sahaja dibenarkan pulang ke rumah dari pusat pemulihan dadah. Wajah Ibu yang penuh dengan bayang-bayang kekecewaan dan kepiluan masih jelas di dalam ingatanku. Suaranya mengandungi seribu derita yang tidak kesudahan. Adik-adikku semua langsung tidak memandang ke arahku tetapi aku dapat lihat air mata bergenangan di kelopak mata mereka. Aku tahu mereka kecewa. Sebagai anak sulung, aku patut melindungi dan menjadi teladan bagi mereka. Namun, aku memalukan dan menghancurkan nama baik keluargaku pula. Mata Ayah memancar api terbakar dan mukanya merah padam. Tentu dia berasa sangat marah dan kecewa dengan anaknya yang dia telah membesarkan dengan sepenuh hatinya.



Suara Ibu terngiang-ngiang di dalam pikiranku, “Kenapa kamu melakukan semua ini, Akmal? Ibu tidak mengenali kamu lagi!”

Aku tahu, semuanya salah aku. Aku yang pilih untuk menyalahgunakan dadah. Aku yang tidak bersyukur untuk semua pengorbanan keluargaku buat aku selama ini. Namun penyesalanku tidak lagi bermakna. Kini, aku hanya boleh berubah dan bekerja keras untuk menyelesaikan semua masalah yang telah aku timbulkan.

Malam itu, aku terdengar Ayah dan Ibu bertengkar di luar bilikku.

“Aku tidak kisah. Aku tidak mahu dia tinggal di dalam rumah aku lagi. Dia bukan budak kecil lagi. Menyusahkan aku sahaja!” kata Ayah.

Kata-katanya itu menggoris luka di hatiku. Tidurku tidak tenteram pada malam itu. Segigih mana usahaku untuk meraih kemaafan Ayah, aku masih tidak berjaya. Aku bertekad untuk membanggakan keluargaku, menunjukkan mereka bahawa aku sudah berubah.

Seawal fajar menyinsing keesokan harinya, aku keluar dari rumah untuk mencari pekerjaan. Walaupun keluargaku kaya dan menjalani kehidupan yang mewah, Ayah tidak mahu menyokong dan menyara kehidupanku lagi selepas apa yang terjadi, dan aku hanya dibenarkan tinggal di rumahnya buat sementara sahaja. Selepas beberapa minit berjalan, aku terlihat poster yang mengiklankan bahawa suatu kedai makanan memerlukan kakitangan. Lantas, aku masuk ke dalam kedai tersebut. Kedainya kecil dan dindingnya dicat merah. Seorang pekerja mendekati aku.

“Selamat pagi encik. Tadi saya lihat yang kedai ini memerlukan pekerja. Boleh saya memohon pekerjaan ini?”

Pekerja itu menjeling kepada aku. Matanya terbeliak.



“Bukankah engkau anak orang kaya yang ditangkap menghisap dadah? Sudahlah. Pergilah ke tempat lain. Kami tidak memerlukan pekerja seperti engkau.” katanya dengan sinis.

Aku tersentak apabila aku mendengar penghinaan yang tajam itu. Walaupun aku sudah melihat dan membaca berita yang menceritakan tentang perkara-perkara yang aku telah lakukan, aku tidak sangka bahawa begitu ramai orang sudah melihatnya juga. Aku menundukkan kepala kerana malu. Dengan pantas, aku meninggalkan kedai itu lalu menuju ke tempat lain.

Aku mula berjalan dengan perlahan. Dalam masa-masa seperti inilah yang aku terasa ketahananaku diuji. Sebelum aku mula menghisap dadah, aku tidak pernah bekerja atau berdikari. Semua keperluanku dipenuhi dengan menggunakan duit Ayah. Siapakah aku tanpa bimbingan Ayah? Aku tidak pernah mempunyai identiti sendiri. Semuanya diuruskan oleh Ayah. Itulah sebab aku mengambil dadah buat pertama kali. Aku perhatikan rakan-rakanku yang mengambil dadah semua mempunyai kepercayaan diri yang tinggi. Perkara ini membuahkan harapan dalam hatiku yang aku juga boleh menjadi seperti mereka jika aku mengambil dadah juga. Aku terlalu bodoh untuk membuat keputusan yang wajar untuk diriku sendiri.

Kerisauan bertalu-talu melekat di fikiranku. Kini, dengan reputasiku yang buruk, pasti tidak ada orang yang sudi menerimaku sebagai pekerja.

Namun, aku harus tahan hati. Aku tahu, aku tiada lagi naungan. Aku harus berdikari. Aku harus tabah mengharungi kesusahan. Malah, aku yang membuat keputusan yang salah. Aku harus bangkit daripada kesilapanku itu.

Di bawah mentari yang memancarkan suria mudanya, aku duduk di sebuah bangku di taman riadah. Aku memandang wajah-wajah riang kanak-kanak yang bermain di sini. Ibu bapa tersenyum melihat mereka. Sekuntum senyuman sedih terukir di bibirku. Aku fikir tentang Ibu, tentang Ayah. Memori indah bermain di benak fikiranku. Tiba-tiba, telefon bimbitku berdering. Aku menerima panggilan daripada adikku.

Nada suaranya bagaikan sembilu menghiris tangkai hatinya. “Abang, pulang ke rumah, cepat. Ayah dah tak ada, bang. Ayah dah tak ada.”

Hatiku hancur seribu apabila aku mendengar berita itu. Seribu soalan dan kerisauan memenuhi kepalaku. Mengapakah perkara ini berlaku secara tiba-tiba? Setahu aku, Ayah sihat sahaja. Adakah perkara ini berlaku

kerana aku? Adakah aku menyebabkan Ayah berasa terlalu tertekan sehingga badannya tidak dapat menerimanya? Aku tidak berpeluang untuk meminta maaf kepada Ayah semasa dia masih bernafas. Tanpa Ayah, siapa akan menanggung kehidupan keluargaku?

Tanpa membuang masa, aku bergegas pulang ke rumah. Hatiku berdegup kencang di dalam dada. Pandanganku mula kabur disebabkan air mata yang berkolam di kelopak mata. Dalam perjalanan pulang, aku asyik berfikir tentang dosa-dosa yang aku telah lakukan kepada Ayah. Sekarang, semuanya sudah terlambat. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada berguna. Itulah nasihat yang selalu diberi oleh Ibu. Jikalau aku mendengar kata-katanya, mungkin semua ini tidak akan berlaku.

Sejurus selepas aku sampai di rumah, kelihatan saudara-mara memenuhi ruang tamu. Ibu dan adik-adikku berdiri di luar bilik Ayah. Keletihan dan kehibaan terpancar di wajah-wajah mereka. Aku masuk ke dalam bilik Ayah lalu memandang wajah Ayah buat kali terakhir. Matanya tutup dan mukanya pucat. Akhirnya, air mataku mula berlinangan tanpa henti. Hatiku dirantai kesedihan. Aku tahu, aku harus menjaga keluargaku sekarang. Itulah tanggungjawab yang harus aku galas sebagai anak sulung.

Aku mendakap Ibu dengan erat tetapi dia bagaikan tidak mengendahkan aku.

“Ibu, Akmal berjanji yang Akmal akan menjaga keluarga ini. Akmal minta maaf, Ibu. Akmal minta maaf,” kata aku dengan perlahan. Ibuku diam seribu bahasa seolah-olah aku bersalah. Dia sedikit pun tidak menatap wajahku semasa kami berbicara. Matanya berkaca. Di sekelilingku, saudara-mara berpaling muka seolah-olah aku tidak wujud. Keadaan ini sangat meruntun jiwa. Aku diberitahu bahawa Ayah meninggal dunia akibat serangan jantung. Walaupun tidak diucapkan, aku dapat merasakan dalam hatiku yang mereka menyalahkan aku atas musibah ini. Rasa pilu mencucuk-cucuk tangkai hatiku.

Seminggu selepas pengebumian Ayah, aku mengambil alih tempatnya sebagai ketua pegawai eksekutif di syarikatnya.

Pada hari pertama aku di syarikat, aku telah diperkenalkan dengan semua pegawai dan pekerja. Antara mereka ialah setiausaha Ayah, Puan Yati, yang menunjuk ajar cara pengurusan syarikat kepada aku.

Hari demi hari aku menjalani dengan tabah walaupun aku harus menghadapi sindiran daripada pekerja yang tidak senang dengan perlantikanku.

Aku pernah menyuarakan hal ini kepada Puan Yati tetapi dia menasihati supaya fokus kepada kerja dan menganggap ini sebagai ujian. Ramai pekerja tidak menghormati aku sebagai pemimpin mereka kerana aku bekas penagih dadah dan mereka menyangka bahawa aku akan menjatuhkan nama baik syarikat. Namun, aku bertekad akan bekerja keras untuk memajukan dan membawa kejayaan kepada syarikat Ayah.

Pada suatu hari, pintu pejabatku diketuk oleh beberapa orang kakitangan kanan. Mereka menyerahkan surat perletakan jawatan kepada aku. Menurut mereka, mereka tidak berasa yakin dengan kebolehan aku untuk menerajui syarikat ini. Oleh sebab itu, mereka tidak mahu meneruskan khidmat mereka di sini. Aku cuba memujuk mereka supaya menarik balik keputusan mereka. Malangnya, usaha aku itu sia-sia, bagaikan mengukir di atas air. Kini, aku terpaksa mengambil alih beban kerja yang ditinggalkan oleh mereka sehingga aku mendapatkan pengganti.

Beberapa bulan selepas pemergian mereka dari syarikat, aku masih tidak boleh mendapatkan pengganti yang sesuai. Kerja tambahan yang aku harus lakukan menjadi terlalu banyak untuk aku pikul. Oleh sebab itu, aku terpaksa memberi sebahagian daripada kerja itu kepada pekerja-pekerja aku.

Jelas, mereka tidak berasa senang dengan perkara ini. Apabila aku mengumumkan berita ini kepada mereka, mereka mengeluh dan berpaling muka dengan aku.

“Bos baharu ini memang pemalas. Dia suruh kita melakukan kerjanya pula. Aku dengar dia penagih dadah. Aku tidak tahu siapa membenarkannya memimpin syarikat ini.” kata salah satu daripada pekerjaku.

Namun, aku tidak mengendhakkannya. Inilah tanggungjawabku sebagai seorang ketua. Aku harus memastikan bahawa semuanya berjalan dengan lancar.

Walaupun sukar, aku tetap bekerja keras untuk memimpin syarikatku sehingga berjaya. Banyak malam aku habiskan di pejabat untuk menyemak dan menyelesaikan projek supaya syarikat tidak runtuh. Akulah orang pertama tiba di pejabat dan orang yang terakhir pulang. Tekanan akibat kerja kadangkala menyebabkan keinginan untuk kembali ke ketagihanku menyerap di sanubariku. Namun, aku menghapuskan semua keinginan itu dengan mengingati kembali tentang pesanan-pesanan yang diberi semasa aku berada di pusat pemulihan dadah. Aku sangat bersyukur kerana aku juga menerima banyak nasihat dan kata-kata perangsang daripada Puan Yati.

Lama-kelamaan, kebolehan aku sebagai pemimpin syarikat mula terserlah. Syarikat yang Ayah bekerja keras untuk bina menjadi lebih maju dan berjaya. Aku dapat menyelesaikan masalah dengan cekap dan mula mendapat kepercayaan dan keyakinan pekerja-pekerjaku.

Hubungan aku bersama keluargaku juga menjadi lebih baik. Aku rasa Ibu sedar bahawa aku telah betul-betul berubah dan menjadi lebih bertanggungjawab. Setiap hari sebelum aku menuju ke pejabat, Ibu menyediakan sarapan untuk aku. Senyuman manis selalu terukir di wajah tuanya. Ibu kata bahawa aku sama seperti Ayah. Ayah seorang yang berkarisma. Ayah seorang pemimpin yang tegas tetapi penyayang. Ayah boleh menempuh segala cabaran yang dia hadapi.

Sebelum ini, aku asyik tertanya-tanya. Siapakah aku? Mungkin inilah jati diri yang aku tercari-cari selama ini. Aku telah berjaya bangkit daripada kesilapan dan belajar daripada masa silamku. Mungkin menjadi seorang pemimpin ialah erti kehidupan yang selama ini menanti untuk aku jalani.





Genggamah Nafsu



Genggamah Nafsu

*Cerpen ditulis oleh: Iffah Aishah Binte Muhammad Nazri
Madrasah Alsagoff Al-Arabiah
Tempat Ketiga bagi Peraduan Cerpen Bisikan Pena 2023*

Sekali lagi, aku menatap wajah itu dalam cermin. Naluriku memberitahu bahawa aku mengenalinya tapi aku masih keliru. Siapakah wajah yang berhadapanku itu?

Wajah dalam cermin itu merupakan seseorang yang amat cengkung. Kepalanya botak dan licin dengan ketiadaan rambut. Renungan matanya yang tajam itu seakan-akan sedang menjerit. Jeritan yang sangat pedih meminta tolong.

Oh Tuhan! Mengapakah Kau menghukumku sebegini? Bilakah keseksaan ini akan berakhir? Mungkin aku akan berasa tenang jika aku dapat meninggalkan dunia ini. Aku tidak sanggup menahan penderitaan ini lagi.

Tahun 2020 merupakan titik permulaan segala keperitanku. Aku mula batuk berdarah dan mengalami sakit kepala yang tidak terhingga. Aku juga hilang selera makanku. Pada mulanya, ibu bapaku mengesyaki keracunan makanan. Mereka segera membawaku berjumpa dengan doktor. Dengan keadaanku yang pucat lesi seperti mayat, doktor terpaksa melakukan banyak ujian ke atas diriku. Persoalan demi persoalan bersilih ganti dan berlegar-legar di ruang benakku.

Di sekolah, aku menumpukan seratus peratus pada pelajaran yang diajari. Bukankah ini hari pertama pada tahun ini aku mula persekolahan dengan keadaan yang baharu? Aku harus fokus agar dapat memahami apa yang diajar. Walaupun hidupku bagaikan perahu yang sedang hanyut dibawa arus yang sedang bergelora, aku tidak tenggelam dalam kesengsaraan namun berusaha untuk mendapat kecemerlangan yang memuaskan.

Hari pun berlalu dan aku sudah pun mempunyai kawan yang sejati, Latifah. Dia panjang akal. Kelakuan dan peribadinya menjadikanku juga ingin menjadi sepertinya. Aku mula mengulang kaji pelajaranku tak kira penat atau tidak, setiap hari sekurang-kurangnya satu topik. Sejak itulah aku menjadi seorang anak murid yang tajam akal. Setiap kali disoal, aku yang pertama akan menjawabnya.

“Aishah, ingat ya, jangan senang putus asa dalam apa jua perkara biarpun kamu harus menangi nasib hidup yang penuh dengan onak dan duri ini. Walaupun ibu tidak dapat membayar yuran sekolah sekali harung, tapi ibu yakin Aishah akan terus berusaha untuk diri sendiri dan juga masa hadapan Aishah.” Ibu selalu berpesan kepadaku sambil air jernih mengalir di pipinya.



Aku hanya menganggukkan kepala ku tanda taat pada ibuku. Aku bukan sahaja mahu kebaikan untuk masa hadapanku malah juga ingin memesrakan ibuku yang sekarang resah dan gusar silih berganti. Bila aku dewasa nanti dan telah mendapat ijazah, aku akan bekerja bertungkus-lumus, menggali duit yang secukupnya untuk bertahan dengan kehidupan yang pahit ini. Dengan gaji yang banyak, ibuku tidak perlu membanting tulang lagi dan boleh berehat lebih. Aku pula akan terus berikhtiar kerana aku tahu rajin dan usaha tangga kejayaan.

Beberapa bulan telah berlalu, aku semakin rapat dengan Latifah. Pergaulan kami semakin akrab bagai aur dengan tebing. Kami banyak bekerjasama dalam menyelesaikan masalah, menghabiskan kerja rumah, ataupun sering bersama dalam membuat apa-apa projek. Semasa pertengahan tahun itu, ibu bapa Latifah telah membuat keputusan untuk mengeluarkannya dari sekolah tersebut

kerana harus mengikut ayahnya yang ditugaskan untuk bekerja di luar negara. Perpisahan antara aku dan Latifah sungguh menyayat hati. Kami seperti isi dan kuku selama enam bulan persekolahan. Malang tidak berbau, Latifah akan tinggalkan aku selepas ini dan kami tidak akan bertemu lagi. Mengapa harus ikut ayahnya? Mengapa tidak ayahnya sahaja yang musafir ke sana sendirian? Selepas ketiadaan Latifah untuk mengiringiku, aku dibungkus sepi seperti seorang pengembara di padang pasir. Hari demi hari digigit kesepian yang amat menyeksa. Aku tidak mampu hidup tanpa kawan yang memberi semangat kental untukku.

Kesunyianku diisi apabila sekumpulan rakan sekelas ku mendatangkiku beberapa minggu seterusnya dan menyoal akan keadaanku selepas kehilangan kawan baikku.

“Jiwa awak sekarang terhimpit kesunyian kan? Marilah bergabung dengan kumpulan kami, Kumpulan Candela. Awak pasti tak akan rasa sunyi lagi.” Seorang rakan sekelasku, Camelia, mengajakku dengan nada yang mendorong.

Memandangkan keadaanku yang sempit ini, aku bersetuju dengan saranan itu tanpa berfikir negatif tentangnya. Semenjak hari itu, aku

berkawan dengan Kumpulan Candela. Walau bagaimanapun, aku perasan sesuatu yang ganjil tentang mereka. Apabila malam bertakhta, mereka akan bertemu dan melepak di bawah kolong blok seperti biasa. Semua ini telah dirancang selepas sekolah dalam perjalanan mereka pulang ke rumah masing-masing. Sudah beberapa kali mereka mengajakku untuk beristirahat bersama mereka tetapi aku sangat sibuk dengan rutin harian iaitu mengulang kaji pelajaran.

Pada hujung minggu, aku duduk seorangan di depan meja belajarku, aku dalam laut fikiranku. Aku terperangkap di dalam dilema. Haruskah aku lanjutkan persahabatanku dengan Kumpulan Candela ataupun tidak? Haruskah aku melepak bersama mereka, meninggalkan kebiasaanku mengulang kaji pelajaran? Jika aku memutuskan tali persahabatan kami, aku akan keseorangan selama-lamanya. Tetapi, jika aku lanjutkan persahabatan, aku akan menjadi berat tangan seperti mereka dan juga keras kepala.

Memeras otakku selama seminggu untuk berfikir dan mendapatkan jawapannya mengganggu sekali. Semasa aku mengulang kaji, soalan itu bertalu-talu datang dan pergi dalam fikiranku. Aku tidak dapat menumpu perhatian sepenuhnya dalam seminggu

itu. Akhirnya, aku mengambil keputusan untuk meneruskan persahabatan kami. Aku tidak ingin merasai kepahitan kesepian diri sekali lagi. Maka, aku pun melaksanakan keputusanku.

Hari semakin hari ciri-ciri ku hampir menyerupai ciri-ciri Kumpulan Candela. Aku sering melepak pada malam hari dan tidak tumpu pada ajaran guru di kelas. Aku hanya duduk tercantuk sambil menunggu masa berlalu. Keputusan pembelajaranku semakin merosot dan ia menjadikan kerisauan ibuku semakin memuncak. Aku tidak lagi mengambil berat tentang ibuku. Nasihat ibuku seperti masuk telinga kanan keluar telinga kiri. Jantungku semakin gelap, dari putih suci menjadi hitam legam.

Warna senja mulai memamah suasana. Beberapa waktu kemudian malam menyerkup selimut hitamnya ke seluruh bandar. Aku sudah bersiap sedia untuk keluar rumah dan berkumpul bersama Kumpulan Candela di bawah kolong blok seperti yang telah dibincangkan. Apabila semua sudah tiba, seperti biasa, kami akan menelan dua pil dan berbual karut antara kami.

Malam kian mengengsot dewasa. Aku pun pulang dengan keadaan yang terhuyung-hayang dan tersengih-sengih. Apabila aku membuka pagar

pintu rumah dengan kunciku, ibuku muncul di depan pintu dengan dahinya yang berkerut-kerut. Tanpa mengucapkan salam, aku menolak ibu dengan tangan kananku dan terus masuk ke bilikku, menghentak pintu seperti bom atom meledak bumi. Ibuku sudah banyak kali mengetuk pintuku dan memanggil-manggil namaku dari luar pintu bilik. Dengan hati yang panas menggoncang sekelumit keimanan yang bertapak di pintu kalbuku, aku mengendhakkannya dan menghanyut ke dalam keseronokan malam di atas katil yang empuk.

Hari-hari yang berikutnya sama juga. Aku mengulangi perbuatan jahat itu. Namun, pada suatu malam, perasaan gelisah melanda hatiku. Pada tengah malam, aku terbangun kerana hendak ke bilik air. Aku melalui bilik ibuku. Mendengar suara sayup dari bilik ibu, aku terus menoleh ke arah itu. Aku mendapati ibuku sedang duduk berpeha di depan tingkap sambil meminta keampunan kepada Tuhan yang Maha Mengampuni. Dia juga menyebut namaku dan meminta untuk diberi hidayah padaku agar aku tinggalkan perbuatan yang tidak baik. Nadanya sungguh menikam jiwa hinggakan matakmu mula berkaca dan kemudian berair. Berkaca-kaca linangan air jernih gugur dari sudut kelopak matakmu. Rasa gelisah menjamah hatiku. Aku baru sedar bahawa aku selama ini telah


banyak berbuat dosa kepada ibuku yang telah berkorban lebih untukku dan kehidupanku. Tetapi aku membalasnya dengan perbuatan-perbuatan yang merempuh hati ibuku. Apa yang telah aku lakukan selama ini? Mengapa aku derhaka pada ibu? Badai kegelisahan merempuh-rempuh hatiku. Menyesal sekali.

Tanpa membuang masa, aku terus mendatangi ibu dan memeluknya dengan erat. Rasa hangat badan ibu menjadikanku tenang sedikit. Ibu membalas pelukanku dan mencium dahiku. Semenjak itulah aku menjadi diriku yang sebenar. Aku sudah tinggalkan Kumpulan Candela dan mula rutin seharian yang aku sering lakukannya sebelum ini.

Aku tersentak dari lamunanku apabila pintu bilikku diketuk. Ibuku menjenguk ke dalam bilik untuk mengambil tahu keadaanku sambil tersenyum manis. Aku membalas senyumannya dan kembali melihat wajah itu di dalam cermin. Kini, aku seorang cendekiawan yang berjaya. Ini semua kerana pengorbanan ibuku yang aku cintai. Aku percaya akan diriku sendiri bahawa wajah di dalam cermin itu adalah aku. Aku yang ringan tulang. Aku yang tajam akal. Aku yang ada matlamat untuk menggembirakan ibuku. Aku yang tidak derhaka pada ibuku. Itulah aku. Bukan peristiwa lama yang telah

mencegah dan membangkang kesemua itu. Aku harus percaya akan diriku sendiri.





BAB 4
Tentang AJK 54

70-73



Ahli Jawatankuasa PBMUKS ke-54



Farhana
Naib Presiden
Perhubungan Masyarakat



Danial
Presiden



Azirah
Naib Presiden
Bahasa & Budaya



Uzzy
Ketua Sekreteriat
Penerbitan



Aisyah
Naib Ketua Sekreteriat
Penerbitan



Amirah
Ketua Sekreteriat
Persuratan



Hasif
Naib Ketua Sekreteriat
Persuratan



Farhana
Ketua Sekreteriat
Pendekatan Masyarakat



Khairun
Naib Ketua Sekreteriat
Pendekatan Masyarakat



Aqilah
Ketua Sekreteriat
Seni



Khairiah
Naib Ketua Sekreteriat
Seni



Sabby
Pegawai Komunikasi
Korporat



Ameera
Pegawai Kreatif



Ayuni
Pegawai Kreatif



Amira
Pegawai Kreatif



Yana
Ketua Bendahari



Farah
Naib Ketua Bendahari



Izzah
Setiausaha





THURSDAY
MATHS
MOOKS

kosong lima bersama mooks



risalah.
PBMUKS 54